

## **Lawatan Akreditasi Semula LPPEH Program Pengurusan Harta Tanah, UTHM**

Batu Pahat, 19 Disember 2024 – Program Pengurusan Harta Tanah di bawah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima kunjungan panel lawatan akreditasi semula daripada Lembaga Penilai, Pentaksir, dan Ejen Harta Tanah Malaysia (LPPEH) serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Lawatan berlangsung pada 18 dan 19 Disember 2024 di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM.

Lawatan tersebut melibatkan dua wakil LPPEH, iaitu Professor Madya Sr. Dr. Mohd Hasrol Haffiz Bin Aliasak dari UiTM Perak dan Professor Madya Sr. Dr. Choong Weng Wai dari UTM. MQA pula diwakili oleh Cik Nursazwani Binti Jaafar dari Bahagian Akreditasi.

Pada hari pertama, panel lawatan disambut mesra oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Bin Abdul Rahim. Majlis pembukaan lawatan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahruddin Mahzan @ Mohd Zin, yang turut dihadiri oleh ahli pengurusan utama universiti. Turut hadir ialah Dr. Abul Khair Bin Anuar, Timbalan Pengarah (Pembangunan dan Akreditasi Akademik); Dekan FPTP, Prof. Madya Dr. Shafie Mohamed Zabri; Prof. Madya Dr. Azlina Md Yassin, Timbalan Dekan Akademik; Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid Masrom, Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan; serta penyelaras akreditasi LPPEH-UTHM dan Ketua Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Gs. Dr. Edie Ezwan Mohd Safian.

Lawatan akreditasi kali ke-4 ini merupakan kesinambungan daripada lawatan terakhir pada tahun 2018. Ia bertujuan untuk memastikan program ini terus diiktiraf bagi tempoh lima tahun akan datang oleh LPPEH. Penilaian yang dijalankan meliputi pelbagai aspek penting termasuk kesesuaian kurikulum dengan keperluan industri, kemudahan pembelajaran, penggunaan teknologi terkini, serta sokongan terhadap pelajar dan tenaga pengajar.

Selain itu, panel turut meneliti keberkesanan penyampaian program, tahap kelengkapan fasiliti, dan maklum balas daripada pelajar program di bawah Jabatan Pengurusan Harta Tanah.

Lawatan ini diharapkan dapat memperkuuh lagi kedudukan program Pengurusan Harta Tanah UTHM sebagai antara program terbaik dalam bidang ini di Malaysia. Akreditasi semula ini bukan sahaja mencerminkan kecemerlangan akademik tetapi juga komitmen universiti dalam menyediakan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan pasaran.

Oleh Sr. Dr. Mohd Hafizal Ishak







